



PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS SOSIAL NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2024

Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 1 Tahun 2024. Majlis Sosial Negara (MSN) ditubuhkan sebagai jentera pelaksana Dasar Sosial Negara yang merupakan dasar payung merangkumi falsafah dan pelbagai dasar pembangunan sosial negara.

Saya juga menyarankan untuk melihat semula keberkesanan inisiatif yang sedang dijalankan sebagai intervensi sosial dalam menangani masalah sosial ke arah pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera. Selain itu, pembangunan sosial juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya dari aspek kesihatan, pendidikan dan hak asasi masyarakat di samping fokus kepada pertumbuhan ekonomi.

Pada hari ini dua **Kertas Pertimbangan** dan **satu Kertas Makluman** telah dibincangkan, iaitu:

- i. Kertas Pertimbangan 1: Situasi Semasa HIV/AIDS di Malaysia;
- ii. Kertas Pertimbangan 2: Strategi Penyelesaian Isu Keciciran Murid Sekolah Menengah; dan
- iii. Kertas Makluman 1: Penambahbaikan Dasar Bagi Memastikan Layanan Adil Kepada Pengguna Yang Terdedah (*Vulnerable Consumers*).

Mesyuarat juga telah mempersetujui pelaksanaan program pencegahan, kawalan dan rawatan berkaitan HIV dan AIDS dapat dilaksanakan dengan lancar berdasarkan situasi HIV/AIDS di Malaysia kini. Beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti iaitu:

- i. **Memperkasakan masyarakat** (terutamanya kalangan belia / anak muda) dengan pengetahuan yang tepat mengenai HIV/AIDS, langkah-langkah pencegahan dan isu-isu berkaitan;
- ii. **Mewujudkan rumah perlindungan** (samaada kendalian agensi kerajaan atau NGO) yang mengendalikan *aftercare* bagi Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA) terutamanya ODHA yang tersisih oleh keluarga dan tiada sokongan;
- iii. **Meningkatkan keterjaminan pekerjaan dan pendidikan** untuk ODHA;
- iv. **Melaksanakan pemantauan berterusan dan membuat sekatan ke atas laman web** yang menyebarkan bahan-bahan lucah atau aplikasi rangkaian sosial yang menjurus kepada aktiviti berisiko tinggi HIV;
- v. **Inisiatif saringan HIV sendiri** yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada kumpulan berisiko dalam suasana selesa; dan
- vi. **Silibus Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)** ditambah baik dan diwajibkan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Modul PEKERTI dilaksanakan di IPT.

Bagi kertas pertimbangan **Strategi Penyelesaian Isu Keciciran Murid Sekolah Menengah** beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti iaitu:

- i. **Menyebarkan maklumat tentang kepentingan mendapatkan pendidikan** sehingga mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kepada kanak-kanak dan murid yang tidak bersekolah/ cicir melalui media cetak, media elektronik dan media sosial;
- ii. **Membuat pemantauan berkala** terhadap majikan yang mengambil pekerja yang masih bersekolah untuk mematuhi syarat dan waktu bekerja yang ditetapkan;
- iii. **Menyediakan pusat latihan vokasional**;
- iv. **Memberi sokongan perkhidmatan kaunseling** kepada ibu bapa/penjaga bagi memastikan kanak-kanak dalam jagaan meneruskan persekolahan;
- v. **Memberi sokongan psikososial** kepada kanak-kanak yang terlibat dengan situasi perceraian ibu bapa agar mereka meneruskan persekolahan dengan baik;

- vi. **Membantu keluarga** yang kesempitan kewangan yang menyebabkan murid perlu bekerja;
- vii. **Memberi bantuan kewangan** yang mencukupi kepada murid mengikut keperluan dan lokaliti tempat tinggal; dan
- viii. **Menyediakan ruang pembelajaran** di kawasan tempat tinggal seperti pusat komuniti/pusat aktiviti untuk murid belajar.

Seterusnya mesyuarat mengambil maklum mengenai **Dasar Bagi Memastikan Layanan Adil Kepada Pengguna Yang Terdedah (*Vulnerable Consumers*)** turut menerapkan amalan baik yang boleh dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan kewangan untuk OKU dari segi umum, mesin juruwang automatik (ATM), perbankan dalam talian dan cawangan atau premis. Dasar tersebut menggariskan dua objektif utama, iaitu:

1. Untuk menggalakkan budaya di mana penyedia perkhidmatan kewangan mempertimbangkan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kepentingan dan keperluan pengguna yang terdedah dalam menjalankan perniagaan dan operasi mereka; dan
2. Untuk menetapkan keperluan yang perlu dipatuhi oleh semua penyedia perkhidmatan kewangan bagi menyediakan sokongan yang sesuai kepada pengguna yang terdedah selaras dengan hasil layanan yang adil.

Saya berharap melalui Majlis Sosial Negara, isu sosial dapat dibincangkan secara aktif dan berkesan dengan penglibatan serta kerjasama strategik antara agensi Kerajaan, ahli akademik dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membentangkan cadangan-cadangan yang bernas dalam menangani masalah sosial ke arah pembangunan sosial negara yang lebih sejahtera. Kerjasama bersepadu ini amat diperlukan bagi merealisasikan Malaysia MADANI dan memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

-TAMAT-

Dr. Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri

Majlis Sosial Negara

8 Februari 2024